

Hargai masa cuti anak

Ibu bapa perlu sediakan pelbagai aktiviti bermanfaat

>>Oleh Noriah Idris
nori@hmetro.com.my

BAWA anak ke kompleks beli-belah pada musim cuti sekolah bukan bermakna mengajar mereka membeli-belah semata-mata. Tetapi menggalakkan mereka menyertai pertandingan melukis, mewarna atau mencipta sesuatu di pusat beli-belah berkenaan bagi mencungkil bakat besar anak-anak.

"Cuti sekolah menguji kebolehan mereka dan mendorong mencapai kecemerlangan," kata pensyarah kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang Islam, Universiti Sains Islam Malaysia, Nik Salida Suhaila Nik Salleh, mengulas cara terbaik memenuhi masa lapang anak waktu cuti sekolah.

Menurutnya, beriadah masa cuti sekolah antara aktiviti terbaik yang boleh dilakukan kebanyakan ibu bapa. Disebabkan kesibukan ibu bapa dengan rutin kerja harian, pengisian terbaik waktu cuti sekolah adalah dengan memanfaatkan masa senggang menerusi aktiviti berfaedah.

"Masa berkualiti harus direbut terutama bagi ibu bapa yang masing-masing bekerja. Bagi yang mampu mungkin boleh membawa anak-anak ke luar negara. Tapi bagi yang kurang mampu, mereka boleh membawa anak-anak mengenali negara sendiri melawat destinasi menarik dengan kos lebih murah.

"Ibu bapa juga boleh mengajak anak-anak bermain badminton bersama-sama. Jika membawa anak-anak ke pantai misalnya, anda boleh mengajak anak-anak bermain bola sepak pantai sebagai satu aktiviti sihat. Ini akan lebih mengeratkan hubungan sesama ahli keluarga," katanya.

Dia yang juga penceramah bebas menyarankan ibu bapa membawa anak-anak mengunjungi keluarga datuk mahupun nenek di kampung kerana cara itu mampu mengukuhkan institusi kekeluargaan.

"Jika anak-anak tak dibiasakan sejak kecil, rasa saling hormat antara cucu dengan datuk dan nenek



Banyak perkara boleh dilakukan ibu bapa jika mereka bijak merancang masa"

>Nik Salida Suhaila Nik Salleh
Pensyarah kanan Fakulti Syariah dan
Undang-undang Islam, Universiti Sains Islam
Malaysia

Justeru, ia perlu terus disuburkan ketika cuti persekolahan.

"Anak-anak juga akan memanfaatkan cuti yang menggembirakan di samping meraih banyak pengalaman berguna," katanya.

Lawatan ke tempat bersejarah seperti Muzium Negara, Muzium Kesenian Islam, Pusat Sains Negara dan Planetarium Negara juga boleh dijadikan sumber didikan bermakna dalam proses pembesaran anak-anak.

"Ia boleh mendedahkan anak-anak dengan ilmu pengetahuan. Secara tidak langsung apabila ada sukatan pelajaran berkaitan di sekolah, anak-anak ada pendedahan sejak awal.

"Banyak perkara boleh dilakukan ibu bapa jika mereka bijak merancang masa. Cadangan membawa anak-anak ke tempat kerja ibu bapa (sesuaikan dengan keadaan) secara tak langsung mendedahkan anak-anak kepada bidang tugas ibu bapa mereka," katanya.

Nik Salida Suhaila turut mencadangkan ibu bapa membawa anak-anak menaiki pengangkutan awam seperti kereta api, aliran transit ringan,



CUNGKIL BAKAT...bakat anak-anak boleh dikesan dengan menyertai pelbagai pertandingan.

jika berpeluang berbuat demikian.

Untuk mengelak pembaziran masa, anak-anak juga boleh diajar mendalami al-Quran dengan lebih kerap untuk memantapkan bacaan mereka.

"Mungkin masa bersekolah, mereka tidak cukup masa untuk mempelajari selok-belok al-Quran secara mendalam misalnya mempelajari cara berlagu atau tarrannum. Ia amat sesuai dipelajari secara mendalam ketika cuti sekolah sekali gus memantapkan pengetahuan mereka.

"Jangan paksa anak-anak belajar 12 jam waktu cuti sekolah sepertimana di sekolah kerana ia boleh membosankan mereka. Jika terlalu tegas, anak-anak akan tertekan dengan cara kita mendidik.

"Cara ibu bapa biarlah lebih berhemah, penuh kasih sayang dan prihatin kerana sikap memaksa tak menghasilkan sesuatu yang terbaik.

"Jika cuti sekolah mampu dimanfaatkan sebaik mungkin, barangkali cuti sekolah yang bakal menjelang ini lebih bermakna buat seisi keluarga,"



TINGKATKAN PENGETAHUAN...lawatan ke tempat bersejarah seperti Muzium Negara mendedahkan anak-anak dengan ilmu pengetahuan.